



Info Vokasional

UNIT PERUMAHAN DAN REHLAH BKAWM 10/11

Sistem Perjalanan Elektrik

BILANGAN 2

Sumber Tenaga

Tenaga Elektrik dihasilkan melalui beberapa sumber. Antaranya Tenaga Solar yang dihasilkan oleh cahaya matahari, Tenaga Nuklear daripada penguraian Uranium, Tenaga Hidro Elektrik daripada empangan air (Empangan Jana Kuasa Elektrik) dan kuasa angin (Turbin Angin) dan Biojisim (Biomass) daripada reputan tanaman dan ternakan. Tenaga elektrik juga dapat dihasilkan dengan voltan yang lebih rendah menggunakan sel kering dan basah (bateri) yang meluas digunakan dalam sektor auto motif dan elektronik.

Pengagihan

Bekalan elektrik yang dihasilkan melalui stesen jana kuasa diagihkan kepada pengguna melalui beberapa fasa. Fasa pertama agihan melalui industri berat dan sederhana (ringan) dan kemudian disalurkan secara domestik kerumah-rumah dan kediaman. Pengagihan ini dilakukan dengan menggunakan pencawang elektrik yang terdapat hampir diseluruh kawasan berkenaan.

Litar Elektrik dan sistem Pendawaian

Sebelum bekalan elektrik disambungkan, sesebuah premis mestilah terlebih dahulu menyiapkan litar elektriknya (pendawaian). Litar elektrik hendaklah dipasang oleh Juru Elektrik (wireman) yang diberi lesen oleh Jabatan Bekalan elektrik.

Litar elektrik terbahagi kepada dua iaitu Litar Selari dan Litar Siri. Kebanyakan premis kediaman menggunakan Litar Selari sahaja kerana lebih mudah.

Sistem Pendawaian Domestik terdiri daripada beberapa komponen, iaitu:

1. Suis Utama,

Fungsi:

- a. Mengawal arus elektrik untuk keseluruhan premis.
- b. Merupakan fuis yang bertindak sebagai pemutus arus apabila berlakunya pengaliran arus yang berlebihan.

2. Pemutus Litar Kecemasan,

Fungsi:

- a. Memutuskan arus elektrik apabila berlaku kerosakan litar atau peralatan elektrik, sambaran petir dan jenis litar pintas yang lain.

3. Fuis Agihan,

Fungsi:

- a. Punca agihan untuk setiap point dan soket.

4. Suis

Fungsi:

- a. Memutus dan menyambung arus.

5. Point,

Fungsi:

- a. Penyambung lampu.

6. Soket,

Fungsi:

- a. Membekalkan tenaga untuk peralatan-peralatan elektrik.

DISEDIAKAN OLEH:

BIRO PENERBITAN UNIT PERUMAHAN DAN REHLAH BKAWM 10/11